

NOTIS

PURATA HARGA JUALAN GAS ASLI KEPADA PELANGGAN GAS MALAYSIA ENERGY & SERVICES SDN. BHD (GMES) BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2021

Kerajaan telah menerima cadangan daripada pihak industri supaya harga gas asli semasa disemak berikutan *trend* penurunan harga minyak mentah global. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju supaya purata harga jualan gas asli GMES untuk tempoh **1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021** ditetapkan secara automatik pada setiap suku tahun berdasarkan pergerakan harga minyak mentah global. Dengan keputusan ini, purata harga jualan gas asli GMES akan berubah setiap suku tahun dalam tahun 2021. Sehubungan itu GMES bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pelanggan-pelanggannya berhubung:

1. Purata harga jualan gas asli dan harga jualan gas asli berdasarkan kategori penggunaan untuk setiap suku tahun 2021 selewat-lewatnya pada hari bekerja ke tujuh (7) pada bulan Januari 2021, April 2021, Julai 2021 dan Oktober 2021; dan
2. Unjuran purata harga jualan gas asli untuk setiap suku tahun 2021 selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum purata harga jualan gas asli dan harga jualan gas asli berdasarkan kategori penggunaan sebenar dimuktamadkan.

Suruhanjaya Tenaga (ST) akan memantau perlaksanaan penetapan harga gas asli kepada pelanggan GMES bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021. Adalah penting untuk dimaklumkan bahawa penetapan harga gas asli kepada pelanggan GMES tidak mellibatkan harga bersubsidi gas petroleum cecair (LPG) untuk kegunaan isi rumah.

**Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission),
12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
18 Disember 2020
www.st.gov.my**